

Cari teman cara Lunch Actually

Oleh Nor Affizar Ibrahim



CARI: Lim menerangkan langkah yang diatur agensinya bagi melancarkan teman hidup.

ADAKAH anda masih belum bertemu pasangan sesuai atau berasa sukar mencari cinta? Usah risau, ada banyak cara atau usaha yang boleh dilakukan untuk mencapai apa yang dihajati.

Tidak dinafikan, dengan kesibukan kerjaya di kota besar seperti Kuala Lumpur yang semakin pantas, cita-cita golongan profesional semakin tinggi. Akibatnya, cabaran bagi golongan yang 'gila' bekerja untuk mencari teman sesuai kian meningkat.

Kebanyakan golongan muda profesional terlalu sibuk atau leka dengan kerjaya sehingga terlupa, meluangkan masa mencari teman hidup. Walaupun janji temu dengan rakan atau teman baru dikenali, menjadi sebahagian gaya hidup hari ini, ia sering kali tidak berkesudahan dan tidak membawa makna dalam mencari pasangan hidup.

Menyedari senario masa kini, syarikat pertama di Asia Tenggara, Lunch Actually, memberikan perkhidmatan untuk janji temu makan tengahari bagi golongan profesional yang asyik bekerja tetapi berhasrat mencari cinta.

Pengarah Lunch Actually Kuala Lumpur, Violet Lim berkata, syarikat ini dimulakan di Singapura pada April 2004 dan perkhidmatan janji temu makan tengahari yang asasnya berhasrat mencari teman hidup, sudah terbukti berjaya di kepulauan republik itu.

Beliau berkata, dengan objektif menyediakan platform bagi golongan profesional yang masih solo dan sibuk untuk bertemu dengan golongan berpemikiran sama melalui cara selamat, mudah dan selesa, Lunch Actually diperkenalkan di Malaysia pada awal bulan lalu.

Beliau berkata, syarikat diasaskan bersama tunang, Jamie Lee itu disahkan oleh Matchmaking Institute di New York dan kini bersedia untuk melaksanakan kaedah janji temu makan tengahari yang dipraktikkan secara meluas di Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia.

“Melalui pemerhatian terhadap keluarga, rakan dan teman sekerja saya mendapati, rata-rata golongan muda profesional mempunyai rutin jadual yang sibuk. Di dapati, mereka yang berkahwin pada usia sepatutnya lazimnya, berkenalan dengan teman hidup ketika di sekolah atau di universiti. Itupun, jika bernasib baik, perhubungan berkenaan dapat berkekalan.

“Apabila mula bekerja, mereka mulai sibuk sehingga terlupa soal teman hidup dan tanpa sedar, usia terus meningkat. Jadi, saya melihat pendekatan mengadakan pertemuan pada makan tengahari yang lebih santai, idea yang baik untuk mencari pasangan. Berbanding, mengadakan janji temu makan malam, mungkin ada yang menganggap terlalu romantik atau terlalu terikat dengan hasrat asas,” katanya.

Lim berkata, melihat aliran dan arus perubahan, individu yang asyik memfokuskan pada kerjaya, kini lebih cenderung mengambil pendekatan lebih realistik dalam bercinta. Tetapi ada ahli psikologi yang masih yakin bahawa percintaan cara lama masih wujud.

“Struktur sosial lama seperti berkumpul bersama dan usaha dilakukan ibu bapa yang cuba untuk menjodohkan anak mereka dengan anak kenalan, kini semakin kurang dipraktikkan. Justeru, dalam moden ini Lunch Actually memperkenalkan satu usaha dan alternatif bagi mencari pasangan hidup. Apa yang ditawarkan mungkin menjurus versi barat dan moden tetapi realitinya, amalan mencari pasangan sudah lama wujud berabad lamanya,” katanya.

Beliau berkata, penggunaan perkhidmatan janji temu moden seumpama itu juga semakin popular sebagai ‘orang tengah’. Melalui maklumat latar belakang dan ciri peribadi teman janji temu yang sudah diketahui awal, perkenalan diatur akan bermula dengan ‘beban yang berkurangan’ kerana mereka mengetahui terlebih dulu tentang diri masing-masing.

Model perniagaan Lunch Actually mudah saja; untuk RM 1,180 agensi akan mencarikan sekurang-kurangnya 13 teman solo yang bersesuaian dalam tempoh setahun. Anda boleh juga memilih pakej enam bulan pada harga RM880 bagi enam janji temu.

Pasangan akan dipilih berdasarkan keutamaan yang dinyatakan iaitu dari segi profil, fizikal dan personaliti dan juga analisis tulisan tangan. Setiap janji temu akan berlangsung ketika waktu makan tengah hari.

“Apa yang kami lakukan adalah perkhidmatan amat peribadi. Selepas mendaftar dan menghadiri perundingan pra saringan, anda akan dipadankan dengan pasangan yang berpotensi dan bertemu secara ‘blind date’ pada waktu makan tengah hari. Oleh kerana sebilangan besar golongan profesional bekerja sehingga lewat malam, bertemu seseorang semasa makan tengah hari adalah singkat dan menarik. Andai anda berdua serasi, ia memang baik tetapi jika sebaliknya, anda boleh melupakannya selepas janji temu satu jam itu,” kata Lim.

©The New Straits Times Press (M) Berhad